

**NO. SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMAD [LIPIS]**

**TARIKH : -**

**SOALAN**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad minta MENTERI TENAGA,  
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-**

- (a) kos untuk pembinaan baru loji rawatan air daripada DAM Hydro di Cameron Highlands ke Sungai Jelai; dan
- (b) kos mengganti paip lama bagi menyelesaikan masalah air di Parlimen Lipis yang telah berlarutan sehingga kini.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM667 ribu untuk pelaksanaan kajian bekalan air bagi daerah Lipis. Kajian ini bertujuan menyediakan perancangan bekalan air bagi daerah Lipis hingga tahun 2030, mengenal pasti sumber bekalan baru dan menyediakan program bagi meningkatkan mutu bekalan air. Kajian ini telah bermula pada Januari 2016 dan dijangka siap pada Julai 2016. Oleh yang demikian, kos atau keperluan pembinaan loji rawatan air (LRA) baru dan penggantian paip lama bagi daerah Lipis masih belum dapat ditentukan pada masa ini.
  
2. Walau bagaimanapun, melalui peruntukan di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2.85 juta kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk meningkatkan keupayaan LRA Jelai melalui kerja-kerja menaik taraf rumah pam di LRA Jelai, pemasangan paip air dari LRA Jelai ke Bukit Bius, baik pulih tangki di Bukit Bius dan pemasangan paip dari Bukit Bius ke Bukit Sarang. Pelaksanaan projek ini masih di peringkat penyediaan reka bentuk, dokumen tender dan tawaran tender.

\*\*\*\*\*